

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit penyakit tidak berjangkit (*Non-Communicable Diseases* atau NCD) mengikut negeri setakat 31 Oktober 2020

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (*National Health and Morbidity Survey* atau NHMS) yang dijalankan setiap empat (4) tahun sekali melibatkan isi rumah yang dipilih secara rawak di seluruh Malaysia bagi melihat beban penyakit tidak berjangkit atau *Non-Communicable Diseases* (NCDs). Kajian NHMS yang terkini dijalankan pada tahun 2019. Objektif utama kajian adalah bukan sahaja untuk mengetahui beban penyakit NCD, bahkan turut berperanan untuk membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menilai halatuju dan program kesihatan berkaitan faktor risiko serta penyakit tidak berjangkit.

2. Hasil dapatan tinjauan NHMS 2019 menunjukkan bahawa 1.7 juta orang di Malaysia mempunyai tiga faktor risiko utama iaitu diabetes, hipertensi dan kolesterol tinggi. Dianggarkan seramai 3.9 juta penduduk dewasa menghidap diabetes iaitu bersamaan dengan 18.3%, berbanding dengan prevalens pada tahun 2015 iaitu 13.4%. Apa yang lebih membimbangkan, 1 daripada 2 penduduk yang menghidap diabetes tidak mengetahui yang mereka menghidap diabetes. Daripada jumlah ini,

Negeri Sembilan menunjukkan prevalens yang tertinggi (33.2%), diikuti Perlis (32.6%) dan Pahang (25.7%).

3. Bagi prevalens hipertensi dalam kalangan dewasa, prevalen bagi tahun 2019 adalah 30% berbanding 30.3% pada tahun 2015. Ini merangkumi seramai 6.4 juta penduduk di Malaysia. Daripada jumlah ini, hampir separuh tidak mengetahui bahawa mereka menghidap hipertensi (14.1%). Melalui hasil tinjauan ini juga didapati bahawa negeri Sarawak mempunyai prevalens tertinggi (40.6%), diikuti Kelantan (37.1%) dan Perak (35.5%).

4. Seterusnya, terdapat penurunan prevalens kolesterol tinggi dalam kalangan dewasa iaitu 38.1% pada tahun 2019 berbanding 47.7% pada tahun 2015. Melihat pecahan berdasarkan negeri, Kelantan menunjukkan prevalens tertinggi iaitu sebanyak 51.1%, diikuti Kedah (48.9%) dan Negeri Sembilan (48.3%).

5. Mengikut perancangan, tinjauan yang akan datang akan dilaksanakan pada tahun 2023. Berdasarkan tren penyakit NCD dan faktor risiko NCD semasa, KKM telah merangka program pencegahan dan kawalan Penyakit NCD berdasarkan *National Strategic Plan for NCDs 2016-2025* yang memfokuskan tiga skop utama, iaitu menggalakkan kehidupan yang lebih sihat dalam kalangan rakyat Malaysia dengan mengurangkan faktor risiko NCD, meningkatkan aktiviti saringan untuk mengesan kes-kes penyakit NCD yang belum dikesan, dan mengukuhkan kualiti pengurusan pesakit NCD di fasiliti kesihatan.

6. Pencegahan penyakit NCD memerlukan pendekatan '*whole of government*' dan '*whole of society*'; bagi memastikan pencegahan penyakit NCD dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru, KKM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain serta organisasi bukan Kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha yang dirancang bagi memastikan kesihatan rakyat di tahap yang optima.

Sekian, terima kasih.